

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA HOCK CHEH**

**TARIKH : 8 MEI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 61**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina landasan keretapi ke Pelabuhan Maritim Lumut di Manjung Perak untuk memajukan industri pelabuhan maritim di daerah tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa ini Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai perancangan untuk membina landasan keretapi baharu bagi menghubungkan Pelabuhan Maritim Lumut dengan jajaran keretapi sedia ada.
2. Mengambil kira pembinaan jajaran keretapi baharu akan melibatkan kos yang amat tinggi, maka sebarang cadangan pembinaan landasan baru perlu dikaji dengan terperinci bagi memastikan pelaburan Kerajaan adalah optimum dan dapat memberikan pulangan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil sikap terbuka terhadap cadangan dari pihak swasta yang berminat untuk melabur dalam membangunkan infrastruktur landasan keretapi secara penswastaan.
3. Selain itu, Kementerian Pengangkutan juga sedang menumpukan pelaksanaan projek-projek landasan keretapi sedia ada seperti Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru, Projek Naiktaraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.